

NO SOALAN :52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2017

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyenaraikan pelaburan KWSP di negara asing secara terperinci. Nyatakan nisbah pelaburan KWSP di negara asing berbanding pelaburan domestik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pendedahan pelaburan luar negara KWSP yang dibenarkan pada masa ini adalah sebanyak 32% (dengan julat antara 26% sehingga 37%) daripada jumlah portfolio pelaburannya. Pelaburan luar negara KWSP yang dimulakan sejak tahun 2006 secara keseluruhannya

melibatkan lebih daripada 40 buah negara dan 25 mata wang asing. Selain dapat mengurangkan risiko konsentrasi di pasaran domestik dan memberi KWSP akses kepada kepelbagaian pelaburan yang berkualiti, pasaran luar negara didapati mempunyai kecairan yang lebih baik. Namun begitu, pelaburan domestik terus kekal penting dan merupakan bahagian utama dalam struktur pelaburan KWSP di mana saiz portfolio pasaran domestik secara konsisten mencatat peningkatan pada kadar 7% setiap tahun.

Butiran pelaburan yang spesifik seperti keuntungan dan kerugian dalam sesebuah syarikat, terutamanya yang masih dipegang oleh KWSP adalah maklumat sulit dan sensitif. Sebarang pendedahan maklumat berkenaan kedudukan pelaburan dalam sesebuah syarikat berpotensi mengakibatkan pergerakan harga pasaran yang tidak wajar dan memberi gambaran tidak adil kepada pelaburan tersebut.

KWSP sentiasa memantau syarikat-syarikat yang dilaburkan agar sentiasa memenuhi kriteria-kriteria pelaburan KWSP yang ketat seperti mempunyai 'fundamental' yang kukuh dan berupaya memberi pendapatan pelaburan yang stabil dalam jangka masa yang panjang. Bagi syarikat-syarikat yang menunjukkan kemerosotan prestasi kewangan yang berterusan serta pengurusan syarikat yang kekal

lemah, KWSP akan mengurangkan atau melupuskan keseluruhan pegangan dalam syarikat tersebut setelah analisa yang terperinci dilakukan.

Di samping berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang dirangka untuk mengoptimumkan pulangan jangka panjang pada julat risiko dan jangkaan pulangan yang munasabah, KWSP sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin dan berhemat, sejajar dengan peruntukan Seksyen 26, Akta KWSP 1991 bagi terus menjamin dan menambah simpanan ahli. Berasaskan struktur tadbir urus korporat yang telus dan garis panduan pelaburan yang telah ditetapkan, KWSP dapat menjalankan tanggung jawabnya dengan cekap dan teratur mengikut amalan terbaik industri.

Rangka kerja tadbir urus korporat pelaburan KWSP melibatkan pelbagai peringkat Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggung jawab dalam penyediaan dan penguatkuasaan garis panduan pelaburan, strategi dan pemantauan keputusan pelaburan, pelaksanaan serta prestasi pelaburan. Laporan pelaburan KWSP juga diaudit oleh Jabatan Audit Dalaman bagi setiap suku tahun dan Jabatan Audit Negara bagi laporan tahunan. Di

samping itu, laporan prestasi kewangan KWSP bagi setiap suku tahun disediakan berpandukan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan dibentangkan ke Parlimen serta tertakluk kepada penelitian oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Berdasarkan statistik pelaburan daripada tahun 2010 sehingga yang terkini sehingga Jun 2017, peratus pendedahan pelaburan KWSP di peringkat domestik adalah di antara 71% dan 90% manakala peratus pendedahan pelaburan luar negara KWSP adalah di antara 10% dan 29%. Peratus pelaburan ini adalah berdasarkan jumlah aset pelaburan KWSP daripada RM440.52 bilion pada tahun 2010 kepada RM759.78 bilion pada Jun 2017.

| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | Jun 2017 |
|---|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|---------------------|
| Domestik | 90% | 87% | 83% | 80% | 77% | 75% | 71% | 71% |
| Luar Negara | 10% | 13% | 17% | 20% | 23% | 25% | 29% | 29% |
| Jumlah Aset Pelaburan (RM bilion) | 440.52 | 469.04 | 526.75 | 589.87 | 636.53 | 684.53 | 731.11 | 759.78 |

Dari segi pulangan pelaburan yang berjaya dijana KWSP antara tahun 2010 hingga tahun 2016, pelaburan domestik mencatat kadar pulangan antara 5.74% dan 6.82% manakala pelaburan luar negara mencatat kadar pulangan antara 7.13% dan 12.84%.

| Pulangan | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|-----------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Domestik | 5.87% | 6.56% | 6.82% | 6.50% | 6.34% | 5.74% | 6.18% |
| Luar Negara | 7.46% | 6.90% | 7.13% | 8.61% | 10.45% | 12.84% | 9.73% |